

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



ANCAMAN KEPADA REKOD KEWANGAN (BAHAGIAN KE 8)

Ahmad Azman Mohamad Ramli¹

¹Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

ahmadazman@uitm.edu.my

Pada keluaran yang lepas, artikel ini telah membincang sejenis ancaman yang boleh membahayakan rekod kewangan elektronik yang dimiliki oleh para usahawan. Ancaman tersebut ialah perisian merbahaya. Pada keluaran kali ini, artikel ini akan menyambung perbincangan dengan memberi tumpuan kepada dua jenis ancaman lain iaitu pencerobohan dan kegagalan perkakasan elektronik.

Pencerobohan

Pencerobohan yang dimaksudkan di sini ialah apabila seseorang individu mengakses kepada rekod kewangan elektronik, contohnya dalam format aplikasi Microsoft Office seperti Words, Excel, PowerPoint, Access dan sebagainya yang sedang dimiliki dan dilindungi oleh pihak lain tanpa kebenaran.



Rajah 1: Imej aplikasi Microsoft Office

Sumber: <https://news.softpedia.com/news/microsoft->

Terdapat pelbagai cara untuk melakukan pencerobohan kepada rekod kewangan elektronik ini. Kaedah yang biasa digunakan ialah memecah masuk ke dalam sistem komputer milik pihak lain. Individu-individu yang melakukan aktiviti ini kebiasaannya dipanggil *hackers*. Individu-individu ini secara amnya memiliki pengetahuan yang luas berkaitan sistem komputer dan mereka menggunakan pengetahuan ini untuk melakukan aktiviti pencerobohan. Dengan menggunakan perkakasan seperti modem dan komputer peribadi serta perisian komunikasi tertentu, mereka melakukan pencerobohan di atas pelbagai tujuan seperti mencuri rekod kewangan elektronik untuk mendapat ganjaran atau hanya untuk bersuka-suka. Terdapat juga *hackers* yang diupah untuk melakukan pencerobohan.

Satu lagi kaedah pencerobohan yang selalu digunakan untuk mengakses rekod kewangan elektronik milik pihak lain ialah dengan menggunakan perisian yang dipanggil *spyware*. Perisian *spyware* digunakan untuk mengambil maklumat berharga milik pihak lain seperti nombor kad kredit dan kata laluan perbankan dalam talian tanpa kebenaran daripada pemiliknya. Selalunya aktiviti ini dilakukan melalui rangkaian Internet.

Untuk mengelakkan pencerobohan kepada rekod kewangan elektronik ini daripada berlaku, pemilik rekod elektronik perlu melakukan tindakan pencegahan yang bersesuaian. Contohnya memastikan perkakasan komputer dipasang perisian antivirus dan komputer menggunakan peralatan firewall.

Kegagalan Perkakasan Elektronik

Kegagalan perkakasan elektronik berlaku bila syarikat pengeluar perkakasan elektronik mengedarkan kepada pengguna perkakasan elektronik seperti komputer dan sebagainya yang mengalami kerosakan, samada yang disengajakan atau tidak disengajakan.



Rajah 2: Komputer bimbit yang rosak

Sumber: <http://sixsigmakomputer.blogspot.com/>

Kerosakan perkakasan ini boleh membahayakan keselamatan rekod elektronik kerana sekiranya perkakasan elektronik ini rosak atau musnah, ia secara langsung boleh memusnahkan rekod kewangan elektronik yang tersimpan dalam perkakasan elektronik tersebut. Contohnya, rekod kewangan elektronik yang tersimpan dalam cakera magnetik seperti disket atau *floppy disk*, *hard disk* dan *removable hard disk* boleh hilang sekiranya perkakasan elektronik tersebut mengalami kerosakan.

Di antara cara untuk mengelakkan berlakunya masalah kegagalan perkakasan elektronik, para pemilik rekod kewangan elektronik perlu membeli perkakasan elektronik daripada syarikat pengeluar yang diketahui mementingkan kualiti. Perkakasan elektronik itu juga perlu mempunyai jaminan kualiti seperti jaminan daripada pihak SIRIM dan sebagainya.

(Akan bersambung di keluaran hadapan)

